



MENANGANI KONFLIK RUMAH TANGGA

Zul-kifli Hussin

Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Sultan Azlan Shah

Jika anda penggemar filem Bollywood, pasti anda akan dapati hampir tiada penceritaannya dimulai dengan kisah tentang kehidupan selepas perkahwinan. Kebanyakannya bermula dari seawal babak perjuangan percintaan hinggalah pasangan tersebut berkahwin. Sepanjang pengisahan tersebut, penonton leka menonton babak yang kadangkala membangkitkan rasa sedih, benci, kasihan dan simpati. Akibat daripada sajian sebegini, penonton cenderung terbuai dengan indah dan manisnya alam percintaan.

Namun begitu, hakikat sebenar bagi sebuah rumah tangga ialah ketika fasa selepas pernikahan. Pada fasa ini, telah terpatery hak dan tanggungjawab antara kedua-dua insan yang bergelar suami dan isteri. Berbeza dengan alam percintaan, alam rumah tangga menuntut komitmen dan pengorbanan, serta saling

memahami. Sebarang pelanggaran ke atas hak dan kewajipan tersebut, maka masing-masing berhak menuntutnya. Kegagalan memberikan hak dan melaksanakan semua hak dan tanggungjawab tersebut sering berakhir dengan perceraian.

Perceraian mendatangkan kesan dari segi emosi kepada pasangan lain sama ada yang masih kekal berumah tangga ataupun yang belum berumah tangga. Kehidupan rumah tangga sering dibayangkan sebagai sesuatu yang tidak harmoni. Tidak peliklah terdapat pasangan yang tidak mahu berkahwin kerana trauma dengan kejadian yang mereka lihat dan ahli keluarga mereka alami.

Jika diamati firman Allah SWT dalam *Surah al-Rum* ayat 21, Allah menegaskan bahawa pasangan hidup itu amat menenangkan. Malah, Allah menjadikan daripada perkahwinan itu dengan perasaan mawaddah dan rahmah.

Malangnya, melihat senario yang berlaku, hal tersebut memberikan tanggapan sebaliknya. Di manakah kesilapan atau kekurangan dalam rumah tangga masa ini? Pasangan seolah-olah tidak mampu mempertahankan rumah tangga masing-masing hanya kerana perbalahan yang wujud.

Jika rumah tangga digambarkan seperti suasana di syurga, maka hal tersebut suatu kesilapan kerana di syurga Allah SWT telah mencabut rasa *ghillin* (hasad dengki) sehingga tiada sebarang perasaan amarah dan dendam antara satu sama lain. Firman Allah dalam *Surah al-Hijr* ayat 47 Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan Kami cabut akan apa-apa yang ada di hati mereka daripada perasaan hasad dengki sehingga menjadilah mereka bersaudara (dalam suasana kasih mesra), serta mereka duduk berhadap-hadapan di atas pelamin masing-masing.” (*Surah al-Hijr* 15:47).

Secara hakikatnya, ayat tersebut memberikan penegasan bahawa selagi manusia berada di dunia, perasaan tersebut sentiasa ada dan tidak boleh dibuang, tetapi hanya boleh dikawal. Namun begitu, tidak semua manusia mampu mengawalnya bergantung pada tahap keimanan seseorang. Lantaran itu, didapati kadar perceraian di Malaysia khususnya dalam kalangan pasangan Islam dilihat sangat tinggi dan membimbangkan.

Statistik perceraian daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) memperlihatkan bahawa tempoh lima tahun pertama perkahwinan adalah masa yang paling mencabar, merujuk kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-5 yang dijalankan oleh LPPKN pada 2014. Malahan, menurut statistik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, banyak kes perceraian remeh yang melibatkan pasangan muda. Perkara remeh yang dimaksudkan ialah isteri suka mengikut rombongan beramai-ramai, isteri gemar membasuh baju pada waktu malam, isteri suka makan dalam kereta, berbeza fahaman politik, gaji suami lebih rendah, pasangan tidur berdengkur, dan pasangan gemar membeli-belah.

Melihat kepada faktor perceraian tersebut, didapati bahawa pasangan tidak mampu bertahan dengan masalah dalam rumah tangga, dan kurang bertolak ansur ketika menghadapi masalah rumah tangga. Pelbagai pendekatan telah dilakukan bagi mengatasinya. Antara pendekatan popular termasuklah mendapatkan khidmat kaunseling keluarga di jabatan agama negeri di Malaysia. Namun begitu, kadar perceraian dilihat kian meningkat.

Bagi mengatasi peningkatan kes perceraian, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan memantapkan institusi

perkahwinan dan keluarga. Bahkan katanya, LPPKN melaksanakan program praperkahwinan untuk memberikan asas kukuh membina keluarga bahagia, terutama bagi pasangan yang baru berkahwin.

Jika dikaji masyarakat terdahulu, bukan tiada perbalahan antara mereka. Namun begitu, perkahwinan mereka masih kekal. Mereka amat mengutamakan kelangsungan rumah tangga berbanding perceraian. Mereka mencari dan mengenal pasti punca perbalahan supaya tidak mengeruhkan lagi keadaan. Setiap perbalahan akan dirujuk kepada orang yang lebih arif tentang kaedah mengatasi konflik rumah tangga. Antara kaedah yang dimaksudkan termasuklah kaedah tradisional yang tidak bertentangan dengan syarak, iaitu merujuk individu yang dianggap berautoriti dalam hal ehwal rumah tangga. Lazimnya individu yang dirujuk terdiri daripada imam, orang alim dan warak di kampung-kampung atau individu yang dikenali mahir berkaitan dengan hal ehwal rumah tangga.

Beberapa kajian yang dirujuk mendapati bahawa kaedah tersebut masih tersimpan kukuh di dalam dada orang yang berkemahiran. Namun begitu, mereka jarang dijadikan rujukan dan tempat untuk mendapatkan nasihat. Dari segi keberkesanan juga didapati kaedah yang digunakan mereka berkesan, dan dalam kesempatan yang sama pengadu akan diberikan nasihat tentang bagaimana selayaknya mengurus rumah tangga.

Oleh itu, kita disarankan melazimkan diri dengan membaca *Surah Ali 'Imran* ayat 200 yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara yang berkeabajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah sempadan), serta bertakwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).”

Berdasarkan huraian ringkas tersebut, dapatlah difahami bahawa masih banyak usaha yang perlu diteroka semula dan dijadikan panduan khususnya kepada pasangan yang bermasalah kerana perbalahan perlu dihentikan dan perceraian mestilah dijauhi. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah ialah perceraian.” (Hadis riwayat Abu Dawud, no. 505). Sesungguhnya, perceraian ibarat pintu kecemasan yang hanya dibenarkan keluar sekiranya berlaku kecemasan. Malangnya, pada hari ini banyak pasangan menggunakan cara penyelesaian ini walaupun situasi belum mencemaskan. **DTI**